

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATUK DR. HASAN BIN BAHROM**
[TAMPIN]

SOALAN NO. 104

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai langkah-langkah yang lebih konkrit dan sistematik dalam memastikan pelajar-pelajar menguasai Bahasa Melayu, apakah ada tindakan susulan yang dilakukan oleh Kementerian dalam memastikan Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu supaya rakyat bangga menggunakannya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan Inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 sebagai satu langkah konkrit dan sistematik dalam memastikan pelajar-pelajar menguasai bahasa Melayu. Matlamat utama inisiatif ini ialah untuk mencapai Anjakan ke-2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, iaitu memastikan setiap murid menguasai kemahiran dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan.

Salah satu daripada strategi untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar juga turut digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025, iaitu memperkukuh

pendidikan bahasa Melayu dengan meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu melalui kurikulum, kokurikulum dan pentaksiran pada semua peringkat;

Selain itu, bagi melengkapkan bahan sumber serta membantu murid-murid menguasai bahasa Melayu dengan baik KPM melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menyediakan pelbagai langkah seperti yang berikut:

1. **Penerbitan** bahan bermutu.
2. Penyediaan **bahan rujukan dan sokongan** pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu.
3. Pelaksanaan **kegiatan** kebahasaan dan kesusasteraan.
4. **Penataran dan bimbingan.**
5. **Pentaksiran dan penaziran.**

Penekanan kepada pembudayaan bahasa Melayu turut dijalankan melalui aktiviti kokurikulum dengan memperkenalkan Program Interaktif Kemahiran Lisan Bahasa Melayu (PIKeBM) yang menerapkan amalan berbahasa Melayu dalam kalangan murid-murid secara santai selama 10 minit dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul dan bersopan.

Pelaksanakan pelbagai kegiatan, pengiktirafan, memberikan latihan dan bimbingan, membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi dan peluasan jalinan dan jaringan dengan pihak luar tentang bahasa Melayu turut dijalankan oleh DBP bagi membantu murid-murid menguasai dan fasih berbahasa Melayu.

Di universiti awam (UA) usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu turut dilaksanakan. Pada 20 April 2011 sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan bagi merangka pelan perancangan bahasa di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Jawatankuasa ini telah menghasilkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT (2011-2015) yang dilancarkan pada 6 Jun 2011.

NO. SOALAN: 104

Pelan ini menggariskan empat objektif utama iaitu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, menghasilkan graduan yang berketrampilan dalam bahasa Melayu, merealisasikan bahasa Melayu sebagai wadah pembangunan negara dan mengantarabangsakan Malaysia sebagai pusat rujukan ilmu Alam Melayu.

Dalam usaha tersebut, KPM terus komited dalam melaksanakan usaha bagi menggalakkan ahli akademik, mahasiswa dan warga universiti untuk memperkaya dan memperluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu.

RT05/30